MINIT MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) BILANGAN 1 TAHUN 2024 JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN (JKPTG)

Tarikh	:	**7 Mac 2024 (Khamis)**
Masa	:	**11.00 pagi**
Tempat	:	**Bilik Mesyuarat Seri Menanti Aras 4, Podium 1 Wisma Sumber Asli**
Pengerusi	:	**YBhg. Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan**
Kehadiran	:	***(seperti di Lampiran 1)***

1. PERUTUSAN PENGERUSI

1.1. YBhg. Datuk Pengerusi memulakan mesyuarat dengan ucapan salam dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli Majlis Bersama Jabatan (MBJ) ke Mesyuarat MBJ JKPTG Bilangan 1 Tahun 2024.

1.2. YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan tahniah kepada semua wakil Pihak Pekerja yang dilantik bagi sesi 2024/2025 dan merakamkan penghargaan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa MBJ JKPTG bagi sesi 2022/2023 yang telah bertugas dengan baik dalam memberikan sumbangan idea, buah fikiran dan tenaga sepanjang memegang jawatan berkenaan.

1.3. YBhg. Datuk Pengerusi menarik perhatian ahli mesyuarat kepada perkara-perkara berikut:

(i) **Fungsi dan Peranan MBJ**

a) MBJ merupakan satu forum atau medium bagi Pihak Pekerja dan Pihak Pegawai bersuara dan saling memberikan pandangan secara telus dan professional ke arah penambahbaikan yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan di JKPTG di samping menjaga kebajikan kakitangan dan memupuk keseronokan bekerja di JKPTG.

b) Forum MBJ memberi peluang untuk berbincang mengenai perkara hal ehwal bekerja berkaitan dengan operasi dan tadbir urus di Jabatan antaranya kewangan dan kemudahan, pentadbiran, sumber manusia, kebajikan, inovasi dan produktiviti. Walau bagaimanapun, perbincangan ini adalah terbatas apabila melibatkan dasar kerajaan, bidang kuasa di luar JKPTG atau hal-hal perseorangan.

(ii) **Amanat Ketua Setiausaha Negara**

a) YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara semasa majlis amanat bersama penjawat awam pada 13 Februari 2024 yang lalu telah menekankan kepada beberapa aspek bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam seperti berikut:

i. amalan kawal selia yang baik;
ii. pendigital penyampaian perkhidmatan;
iii. menanda aras kejayaan projek bersepadu;
iv. tindakan susulan yang proaktif;

v. kerjasama pelbagai heliks, terangkum dan aktif;
vi. promosi perkhidmatan secara strategik dan kreatif; dan
vii. bina persepsi positif dan keterlihatan.

b) Saranan daripada YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara ini perlu dihayati dan diamalkan dalam pelaksanaan kerja seharian semua warga kerja JKPTG.

(iii) **Prinsip H.E.M.A.T**

a) Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam pada 21 Februari 2024 telah memperkenalkan prinsip H.E.M.A.T yang merujuk kepada akronim Hijrah Tatakelola, Empati Rakyat, Minda Pekin, Apresiasi Inovasi dan Telus Tadbiran. Prinsip HEMAT ini bertujuan supaya penjawat awam hendaklah sentiasa berani berhijrah menerusi kepekaan dengan tuntutan perubahan semasa, menjalankan tugas dengan rapi, cekap dalam pelaksanaan tugas dan mengamalkan komunikasi secara efisien.

b) Selain itu, prinsip HEMAT ini juga menekankan supaya penjawat awam dapat menumpukan kepada pelaksanaan pelbagai inisiatif yang dapat memberikan kesejahteraan kepada rakyat, kreatif dan inovatif dalam memanfaatkan sumber-sumber sedia ada, menyematkan nilai integriti dalam menjalankan tugas seharian dan meneroka pelbagai inisiatif baharu yang bersesuaian dengan kehendak semasa dan berusaha untuk memartabatkan inisiatif digital baharu yang efisien.

c) Prinsip HEMAT ini juga hendaklah difahami dan diamalkan oleh semua warga kerja JKPTG dalam melaksanakan tugas seharian

(iv) **Garis Panduan Tatacara dan Pelaporan Kehadiran Warga Kerja JKPTG**

a) Unit Integriti pada 14 Februari 2024 telah mengedarkan Arahan Pentadbiran Garis Panduan Tatacara dan Pelaporan Kehadiran Warga Kerja di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan. Semua warga kerja JKPTG dimohon supaya dapat hadir bekerja mengikut waktu yang telah ditetapkan dan mengemas kini kad perakam waktu kerja masing-masing seperti yang dinyatakan dalam arahan pentadbiran berkenaan.

(v) **Pengisian Maklumat dalam Sistem Mydigital ID, PADU dan AI Untuk Rakyat Bagi Warga JKPTG**

a) Sehingga 7 Mac 2024, status pendaftaran dan pengisian maklumat dalam sistem PADU, program AI Untuk Rakyat dan sistem MyDigital ID bagi warga kerja JKPTG adalah sebanyak 92%. Warga JKPTG yang masih belum membuat pendaftaran dan pengisian maklumat dalam sistem PADU, program AI Untuk Rakyat dan sistem MyDigital ID dimohon supaya dapat melaksanakannya selewat-lewatnya pada 15 Mac 2024.

(vi) **Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), Majlis Persaraan dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri JKPTG Tahun 2024.**

a) Majlis APC, Majlis Persaraan dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat JKPTG bagi tahun 2024 dirancang untuk diadakan pada 7 Mei 2024 bertempat di JKPTG Kelantan. Semua warga kerja JKPTG yang terlibat dijemput hadir ke majlis berkenaan.

2. PERUTUSAN NAIB PENGERUSI

2.1. YBrs. Naib Pengerusi memulakan perutusan dengan ucapan terima kasih kepada pihak pengurusan di atas penganjuran Mesyuarat MBJ JKPTG Bil.1 Tahun 2024.

2.2. YBrs. Naib Pengerusi mengucapkan selamat datang kepada 11 orang ahli baharu Pihak Pekerja yang telah dilantik bagi sesi 2024/2025. Barisan baharu Pihak Pekerja juga telah bermesyuarat dan telah diberi penerangan berkenaan tatacara pelaksanaan mesyuarat MBJ.

2.3. YBrs. Naib Pengerusi memaklumkan keseluruhan 22 wakil Pihak Pekerja yang telah dipilih terdiri daripada wakil daripada Ibu Pejabat dan Negeri masing-masing.

2.4. YBrs. Naib Pengerusi juga mengucapkan terima kasih kepada Pihak Pengurusan di atas kerjasama yang proaktif dan memberi sokongan dalam penyelesaian kebanyakan isu-isu berbangkit dan usul-usul daripada Pihak Pekerja.

2.5. YBrs. Naib Pengerusi seterusnya memperkenalkan barisan baharu perwakilan Pihak Pekerja bagi sesi 2024/2025 seperti berikut:

BIL.	NAMA	GRED	TEMPAT BERTUGAS
1.	**Naib Pengerusi:** Puan Yati binti Musa	M44	Bahagian Dasar dan Konsultasi JKPTG Ibu Pejabat
2.	**Setiausaha:** Puan Nazatul Shima binti Ismail	W22 (TBK)	Bahagian Khidmat Pengurusan JKPTG Ibu Pejabat
3.	Puan Salfaryna binti Mohd Soofi	N41	JKPTG Selangor (UPK)
4.	Encik Roslan bin Md Mohdin	N41	JKPTG WP Kuala Lumpur (UPK)
5.	Encik Ahmad Kamal Arif bin Mohamad	FA38 (TBK)	JKPTG Negeri Sembilan
6.	Encik Anwar Tajuddin bin Ismail	NT32	Bahagian Hakmilik Strata dan Stratum JKPTG Ibu Pejabat

7.	Encik Md Jafri bin Joalis	NT32	JKPTG Johor
8.	Puan Dayang Zaleha binti Abang Jawi Mostapha	N32 (TBK)	JKPTG Sarawak
9.	Encik Mohd Talha bin Ibrahim	W26 (TBK)	Bahagian Khidmat Pengurusan JKPTG Ibu Pejabat
10.	Encik Azelin bin Ithnin	N22	Bahagian Khidmat Pengurusan JKPTG Ibu Pejabat
11.	Encik Nadzrul Shafizal binti Sirajuddin	N22	JKPTG Selangor
12.	Encik Mohd Sanizam bin Md Saad	N22 (TBK)	Bahagian Khidmat Pengurusan JKPTG Ibu Pejabat
13.	Puan Rabia'tul binti Mohamad	N19	UPP Melaka
14.	Encik Mohd Luqman bin Mohd Nasib	N19	UPP Pulau Pinang
15.	Encik Muhammad Azhari bin Ab Roni	N19	UPP Kedah
16.	Puan Rosni bin Ahmad	N19	UPP Pahang
17.	Puan Norhayati bin Che Wil	JA19	JKPTG Kelantan
18.	Encik Hasan Bin Ali	N14	UPP Perlis
19.	Encik Noor Shahrir bin Noor Yusof	H11	Bahagian Harta Tanah Persekutuan JKPTG Ibu Pejabat
20.	Encik Ahmad Shukree Bin Taha	N11	Unit Terengganu
21.	Mohd Syahrin Bin Adnan	H11	JKPTG Perak
22.	Encik Maslie bin Meli	H11	JKPTG Sabah

3. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

Minit Mesyuarat MBJ Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan **Bilangan 3 Tahun 2023** yang diadakan pada **13 Disember 2023** disahkan tanpa pindaan.

4. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

4.1 Penggunakan Aplikasi *WhatsApp* dalam Urusan Permohonan Pembahagian Pusaka

(Hal-Hal Lain: Mesyuarat MBJ Bil.1 Tahun 2022)

4.1.1 BPP memaklumkan penetapan aplikasi *Whatsapp* boleh dilakukan melalui nombor rasmi pejabat tanpa memerlukan telefon bimbit. Walau bagaimanapun bagi membolehkan pertanyaan melalui aplikasi *Whatsapp* tersebut dijawab melalui komputer ianya masih perlu kepada telefon bimbit untuk *scan linked devices*; dan

4.1.2 Pengarah JKPTG Kedah memaklumkan pegawai boleh mengunakan telefon bimbit peribadi bagi tujuan pendaftaran dan selanjutnya pengendalian aplikasi *Whatsapp* tersebut boleh dilaksanakan melalui *Whatsapp Web based* sahaja.

Makluman

4.2 Larangan Penggunaan Gajet Oleh Orang Awam Bagi Tujuan Rakaman di Premis Pejabat JKPTG

(Usul Pihak Pekerja: Mesyuarat MBJ Bil.2 Tahun 2023)

4.2.1 BKP telah mengedarkan Garis Panduan Larangan Penggunaan Telefon Bimbit atau Lain-Lain Peralatan Komunikasi di Kaunter dan Bilik Bicara Unit Pembahagian Pusaka JKPTG pada 17 Januari 2024 sebagai panduan kepada JKPTG Ibu Pejabat dan Negeri yang mempunyai perkhidmatan kaunter dan bilik bicara pusaka untuk menetapkan larangan penggunaan telefon bimbit atau lain-lain peralatan komunikasi semasa berurusan dengan pelanggan/urusan pelanggan mendapatkan perkhidmatan Kerajaan.

Makluman

4.3 Permohonan Pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV) Bagi Premis Pejabat JKPTG

(Hal-Hal Lain: Mesyuarat MBJ Bil.2 Tahun 2023)

4.3.1 Senarai keutamaan perolehan CCTV adalah tertakluk kepada keperluan JKPTG Negeri dan BKP akan membuat penyelarasan permohonan kepada NRES; dan

4.3.2 JKPTG Negeri yang mempunyai keperluan tersebut perlu membuat permohonan berdasarkan agihan peruntukan sebanyak RM50 ribu berserta laporan teknikal daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Keselamatan Malaysia (CGSO) (sekiranya melibatkan pemasangan baharu).

Makluman

4.4 Cadangan Pemakaian Batik Khas Jabatan

(Usul Pihak Pekerja: Mesyuarat MBJ Bil.2 Tahun 2023)

4.4.1 BKP telah membuka tempahan baju batik seragam kepada warga JKPTG pada 5 Januari 2024 dan telah menerima tempahan kain seramai 550 orang;

4.4.2 Pembekalan kain batik tersebut dijangka pada bulan Mac 2024 secara berperingkat dan kos bayaran akan dibiayai sendiri oleh warga JKPTG. Sehingga 1 Mac 2024, sebanyak RM15,804.85 telah berjaya dikutip daripada jumlah RM35,683.00 (2099 meter); dan

4.4.3 Pihak KEKASS tidak berhasrat untuk mengeluarkan bajet KEKASS bagi pembelian kain bercorak batik kerana bajet KEKASS sedia ada telah dirancang untuk tujuan program atau aktiviti yang lebih utama.

Makluman

4.5 Penyelarasan Sesi Fotografi Gambar Rasmi Bagi Warga JKPTG

(Usul Pihak Pekerja: Mesyuarat MBJ Bil.3 Tahun 2023)

4.5.1 BKP telah mengadakan sesi fotografi gambar rasmi bagi warga JKPTG Ibu Pejabat pada 17 hingga 23 Januari 2024 dan telah mengemukakan gambar-gambar tersebut kepada BPICT pada 5 Februari 2024 untuk tindakan selanjutnya;

4.5.2 Bagi warga JKPTG Negeri, sesi fotografi adalah diselaraskan oleh JKPTG Negeri masing-masing dan perlu dikemukakan kepada pihak BPICT sebelum 31 Januari 2024;

4.5.3 BPICT memaklumkan gambar rasmi warga JKPTG akan dipaparkan dalam direktori JKPTG yang ditambah baik untuk memenuhi keperluan tersebut. direktori JKPTG akan dinaik taraf bagi memenuhi keperluan Jabatan untuk paparan gambar rasmi warga JKPTG di Intranet; dan

4.5.4 Sistem Profil Warga JKPTG akan dibangunkan bersama-sama dengan penambahbaikan sistem sokongan JKPTG (Sistem Tempahan Kenderaan dan Bilik Mesyuarat) serta tambah baik portal dan intranet JKPTG yang telah dimasukkan dalam perancangan BPICT pada tahun 2024. Sistem Profil Warga JKPTG dijangka akan mula digunakan pada Ogos 2024.

Makluman

4.6 Pelantikan Pemandu Gantian Di Kalangan Penolong Pengarah

(Hal-Hal Lain: Mesyuarat MBJ Bil.3 Tahun 2023)

4.6.1 BKP telah membatalkan pelantikan pegawai gred 41 dan ke atas pada 24 Januari 2024 sebagai pemandu gantian.

Makluman

4.7 Sistem Tempahan Bilik Mesyuarat Melalui Portal Intranet JKPTG
(Hal-Hal Lain: Mesyuarat MBJ Bil. Tahun 2023)

4.7.1 Penambahbaikan sistem sokongan JKPTG (Sistem Tempahan Kenderaan dan Bilik Mesyuarat) telah dimasukkan dalam perancangan BPICT pada tahun 2024;

4.7.2 Mesyuarat Penambahbaikan Sistem Sokongan JKPTG telah dilaksanakan pada 16 Februari 2024 bersama pihak BKP untuk mendapatkan maklum balas dan cadangan keperluan pengguna; dan

4.7.3 Sistem Sokongan JKPTG yang telah ditambahbaik dijangka akan selesai pada Ogos 2024.

Makluman

5. PEMBENTANGAN USUL PIHAK PEKERJA

YBrs. Naib Pengerusi memaklumkan bahawa Pihak Pekerja telah bersidang pada **21 Februari 2024** dan telah sebulat suara mengemukakan usul seperti berikut untuk pertimbangan:

5.1. KEWANGAN DAN KEMUDAHAN

5.1.1. Bayaran Elaun Tanggung Kerja (ETK)

5.1.1.1. Pihak Pekerja memohon perhatian daripada Pihak Pengurusan berhubung kelewatan pembayaran Elaun Penanggungan Kerja (ETK) pegawai dan kakitangan sehingga membebankan pegawai dan kakitangan untuk melaksanakan dua (2) tugasan serentak dalam tempoh penanggungan kerja. Ini menyebabkan pegawai dan kakitangan tawar hati untuk meneruskan tugasan;

5.1.1.2. Praktis semasa adalah pihak BKP akan menunggu sehingga tempoh penanggungan kerja selesai sebelum pemprosesan pembayaran dilaksanakan. Sebagai contoh bagi penanggungan kerja untuk tempoh enam (6) bulan Januari sehingga Jun, penerimaan pembayaran ETK hanya akan diterima oleh pegawai dan kakitangan pada bulan Ogos atau September;

5.1.1.3. BKP memaklumkan terdapat keadaan di mana kelewatan pembayaran berlaku disebabkan pengisian kekosongan jawatan berlaku secara *backdate* (berdasarkan surat arahan bertukaran/ penempatan daripada Kementerian) dan permohonan penanggungan kerja yang lewat diterima daripada Bahagian/Negeri. Proses pembayaran ETK juga bukan melalui baucar tetapi melalui sistem gaji di mana penyediaannya perlu dilaksanakan satu atau dua bulan lebih awal;

5.1.1.4. Selain itu berdasarkan semakan dengan beberapa Kementerian/ Jabatan, BKP mendapati pembayaran ETK dibayar setelah tamat tempoh penanggungan kerja bagi mengelakkan berlakunya lebihan bayaran ETK dan untuk mengurangkan kemungkinan berlaku Akaun Belum Bayar (ABT);

5.1.1.5. Walau bagaimanapun, BKP memaklumkan Bahagian/JKPTG Negeri boleh membuat permohonan ETK untuk tempoh yang lebih pendek sebagai contoh permohonan untuk tempoh tiga (3) bulan bagi membolehkan pembayaran yang lebih cepat; dan

5.1.1.6. YBhg. Datuk Pengerusi memohon BKP untuk mengkaji semula kaedah pembayaran ETK sedia ada yang dilaksanakan di Jabatan dan membentangkan cadangan kaedah yang baharu semasa Mesyuarat Dwi Mingguan Jabatan.

Tindakan: BKP

5.1.2. Kemudahan Bayaran Bil Telefon Atas Urusan Rasmi Kepada Pegawai Kumpulan Sokongan 2

5.1.2.1. Pihak Pekerja memohon agar pegawai daripada kumpulan sokongan 2 turut diberi kemudahan bayaran balik bil telefon atas urusan rasmi. Ini adalah kerana ada di kalangan Penghantar Notis yang perlu menggunakan talian telefon peribadi apabila berurusan dengan orang awam. Selain itu bagi JKPTG Negeri yang tiada perjawatan Pemandu, pemandu gantian adalah di kalangan Penghantar Notis dan Pembantu Awam dan terdapat keperluan untuk menggunakan telefon peribadi atas urusan rasmi;

5.1.2.2. Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia W.P 1.4 – Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi (Tidak Termasuk Tentera Dan Polis), pegawai boleh mengemukakan tuntutan panggilan rasmi melalui telefon bimbit peribadi masing-masing di bawah pekeliling bertugas rasmi yang berkuat kuasa dan pindaannya. Walau bagaimanapun tuntutan ini agak sukar dikemukakan kerana kebanyakkan syarikat telekomunikasi masa kini menawarkan pelan

telefon dan internet bersekali dan bil yang dikemukakan tidak menyatakan butiran tepat mengenai setiap caj panggilan telefon;

5.1.2.3. Manakala berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia W.P 2.2 – Peraturan Mengenai Kemudahan Alat Komunikasi Mudah Alih, Pegawai Pengawal atau pegawai yang diberi kuasa oleh Pegawai Pengawal boleh meluluskan kemudahan membuat tuntutan caj panggilan pasca bayar atau tambah nilai pra bayar kepada **pemandu Kereta Jabatan** sehingga maksimum RM30 setiap bulan; dan

5.1.2.4. YBhg. Datuk Pengerusi memohon BKP untuk mengemukakan surat kepada Kementerian Kewangan (MOF) bagi memohon kemudahan ini turut dipanjangkan kepada Penghantar Notis dan Pembantu Awam yang bertugas sebagai pemandu gantian.

Tindakan: BKP

5.2. PENTADBIRAN

5.2.1. Penyelarasan Cadangan Waktu Kaunter Di Pejabat JKPTG Sepanjang Bulan Ramadan

5.2.1.1. Pihak Pekerja memohon penyelarasan cadangan waktu operasi pada bulan Ramadan termasuk waktu operasi kaunter diseragamkan 1 JKPTG – Bersatu Hati dan dihebahkan dalam laman web JKPTG;

5.2.1.2. BKP melalui e-mel bertarikh 7 Mac 2024 telah mengedarkan e-mel berhubung Pemakluman Waktu Operasi Dan Penutupan Kaunter JKPTG Sepanjang Bulan Ramadan 2024 seperti berikut:

Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Sabah dan Sarawak		
WAKTU OPERASI	**ISNIN- JUMAAT**	**8.00 PAGI HINGGA 4.30 PETANG**
WAKTU REHAT	**ISNIN - KHAMIS**	**1.00 HINGGA 1.30 PETANG**
	JUMAAT	**12.30 T/HARI HINGGA 2.30 PETANG**
Kedah, Johor, Terengganu dan Kelantan		
WAKTU OPERASI	**AHAD - RABU**	**8.00 PAGI HINGGA 4.30 PETANG**
	KHAMIS	**8.00 PAGI HINGGA 3.00 PETANG**
WAKTU REHAT	**AHAD - KHAMIS**	**1.00 HINGGA 1.30 PETANG**

Makluman

5.3. SUMBER MANUSIA

5.3.1. Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

5.3.1.1. Pihak Pekerja tidak setuju dengan amalan pemberian APC pada masa kini kerana diberi kepada kakitangan yang belum pernah menerima atau dapat walaupun penilaian kurang baik. Walaupun tujuan ini adalah untuk memberi peluang kepada semua untuk menerima pengiktirafan APC tetapi kesannya adalah

kepada pegawai yang mendapat penilaian tinggi dan layak mendapat APC di mana mereka akan berasa kecewa dan *moral down*. Selain itu kesannya turut diterima oleh Pegawai Penilai yang memberi markah tinggi kepada kakitangan bawahan mereka. Manakala bagi pegawai yang mendapat penilaian rendah tetapi menerima APC mereka akan beranggapan bahawa prestasi mereka selama ini diperhati baik oleh Pegawai Penilai, sedangkan APC diberi atas dasar budi bicara sahaja;

5.3.1.2. BKP memaklumkan pemberian APC adalah tertakluk kepada pertimbangan Panel Pengurusan Sumber Manusia (PPSM), berdasarkan kriteria yang ditetapkan pada tahun penilaian tersebut; dan

5.3.1.3. YBhg. Datuk Pengerusi memohon Pihak Pekerja untuk mengemukakan cadangan kriteria pencalonan penerima APC yang boleh memuaskan hati semua pihak untuk penilaian pihak pengurusan selanjutnya.

Tindakan: Pihak Pekerja

5.3.2. Pengisian Kekosongan Perjawatan di JKPTG

5.3.2.1. Pihak Pekerja memohon pihak pengurusan untuk mempertimbangkan pengisian kekosongan perjawatan di JKPTG seluruh negeri yang tidak diisi seperti berikut:

Negeri	Kekosongan
Perlis	1
Kedah	1
Pulau Pinang	3
WP Putrajaya	18

Selangor	10
Negeri Sembilan	1
Kelantan	3

5.3.2.2. BKP telah mengemukakan permohonan pengisian bagi 44 perjawatan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 10 November 2023. Pengisian akan dilaksanakan mengikut status kekosongan dan keperluan dari semasa ke semasa.

Makluman

5.3.3. Isu Pertukaran dalaman Jabatan tanpa Pengganti Serentak

5.3.3.1. Pihak Pekerja memohon pihak pengurusan untuk melihat isu pertukaran dalaman Jabatan di mana ianya perlu disusuli dengan pengganti serentak bagi menggelakkan jawatan semasa dijumudkan. Antaraya bagi jawatan Pembantu Operasi Gred N11 di BHSS yang telah ditukarkan secara dalaman tanpa pengganti sejak 10 Julai 2023 masih tidak dipertimbangkan untuk pengisian segera;

5.3.3.2. BKP memaklumkan pengisian tersebut akan dilaksnakan setelah menerima kelulusan daripada JPA; dan

5.3.3.3. YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan bahawa dasar pertukaran dengan pengganti serentak tidak boleh diguna pakai untuk semua permohonan pertukaran dan tertakluk pada keadaan tertentu.

Makluman

5.3.4. Isu Permohonan Pertukaran Keluar Pegawai Di Jabatan

5.3.4.1. Pihak Pekerja memohon pihak pengurusan untuk membuat hebahan arahan dalaman mengenai syarat-syarat permohonan pertukaran keluar pegawai JKPTG dan mengkaji semula syarat telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun bagi permohonan pertukaran keluar Jabatan;

5.3.4.2. BKP masih bersetuju untuk mengekalkan syarat tempoh tiga (3) tahun bagi mengekalkan *talent* di JKPTG dan mengurangkan kos melatih pegawai. Arahan Pentadbiran Bilangan 4 Tahun 2021 – Garis Panduan Urusan Pertukaran JKPTG telah dibuat hebahan melalui intranet JKPTG; dan

5.3.4.3. YBhg. Datuk Pengerusi memohon BKP untuk mengedarkan pemakluman mengenai Arahan Pentadbiran dan Garis Panduan yang berkaitan kepada semua warga JKPTG melalui emel pada setiap 1 Januari.

Makluman

5.3.5. Semakan Pegawai Penilai Pertama Bagi Unit Petugas Khas (UPK)

5.3.5.1. Pihak Pekerja memohon penyemakan semula Pegawai Penilai Pertama bagi pegawai Unit Petugas Khas yang ditempatkan di Unit Pembahagian Pusaka (UPP);

5.3.5.2. Berdasarkan semakan bersama JPA, penetapan Pegawai Penilai Pertama adalah berdasarkan waran perjawatan. Sehubungan itu, pegawai UPK yang bertugas di UPP masih perlu dinilai oleh pegawai di JKPTG Ibu Pejabat; dan

5.3.5.3. YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan akan memberi penerangan berkenaan isu ini dalam lawatan-lawatan KPTG ke JKPTG Negeri yang akan datang.

Makluman

5.3.6. Penganjuran Kursus Penyeliaan Kepada Ketua Pembantu Tadbir

5.3.6.1. Pihak Pekerja mencadangkan BKP untuk menganjurkan kursus penyeliaan kepada semua Ketua Pembantu Tadbir di JKPTG seluruh Malaysia kerana kali terakhir kursus seumpama ini diadakan adalah pada tahun 2015;

5.3.6.2. BKP bercadang melaksanakan kursus penyeliaan pada tahun 2025 melibatkan pelbagai skim perkhidmatan. Walau bagaimanapun, warga Jabatan masih boleh menghadiri kursus ini anjuran INTAN atau institusi latihan lain pada tahun ini; dan

5.3.6.3. YBhg. Datuk Pengerusi turut mengesyorkan perancangan kursus tidak bersasarkan pada satu skim perkhidmatan sahaja tetapi melibatkan penyertaan pegawai daripada pelbagai skim perkhidmatan

Makluman

5.4. KEBAJIKAN

5.4.1. Penganjuran Sukan JKPTG

5.4.1.1. Pihak Pekerja memohon maklum balas daripada pihak pengurusan berhubung cadangan penganjuran Sukan Tahunan JKPTG seperti yang pernah dilaksanakan pada tahun 2023;

5.4.1.2. YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan penganjuran sukan bagi tahun 2024 tidak akan diadakan secara besar-besaran tetapi secara berperingkat mengikut jenis sukan dan zon; dan

5.4.1.3. YBhg. Datuk Pengerusi memohon BKP untuk menganjurkan satu (1) jenis sukan/permainan bersempena program sambutan Aidilfitri JKPTG di Kelantan.

Makluman

5.4.2. Pembelian Set Baju Hujan Untuk Penghantar Notis

5.4.2.1. Pihak Pekerja memohon Pihak Pengurusan untuk mempertimbangkan permohonan daripada penghantar notis untuk dibekalkan dengan set baju hujan; dan

5.4.2.2. BKP memaklumkan tiada punca kuasa yang diperuntukan untuk pembelian baju hujan. YBhg. Datuk Pengerusi memohon BKP untuk mengkaji permohonan ini.

Tindakan: BKP

5.5. INOVASI DAN PRODUKTIVITI

5.5.1. Penganjuran Pertandingan Video Pendek Di JKPTG

5.5.1.1. Pihak Pekerja memohon diadakan pertandingan video pendek di peringkat semua JKPTG. Tema bagi pertandingan ini adalah berkaitan dengan urusan di JKPTG mempromosikan JKPTG kepada orang awam; dan

5.5.1.2. YBhg. Datuk Pengerusi menyambut baik cadangan tersebut dan memohon BPICT untuk bertindak sebagai penganjur.

Tindakan: BPICT

6. HAL – HAL LAIN

Pihak Pekerja menarik perhatian ahli-ahli mesyuarat mengenai perkara-perkara berikut :

6.1 Penyelarasan Semula Kadar Bayaran Sewa Hotel Bagi Pegawai Yang Menjalankan Tugas Rasmi

6.1.1 Pihak Pekerja memaklumkan berlaku peningkatan pada kadar bayaran sewa hotel berikutan keputusan Kerajaan untuk menaikkan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) sebanyak 8%. Berdasarkan kadar semasa, Pihak Pekerja memaklumkan kesukaran untuk mendapatkan penginapan di kawasan Putrajaya terutama di kalangan pegawai daripada kumpulan Sokongan 2;

6.1.2 Sehubungan itu, Pihak Pekerja memohon agar pihak pengurusan dapat membawa cadangan permohonan penyelarasan semula Kadar Bayaran Sewa Hotel Bagi Pegawai Yang Menjalankan Tugas Rasmi ke peringkat atasan berikutan peningkatan SST tersebut; dan

6.1.3 YBhg. Datuk Pengerusi memohon perkara ini dibawa ke MBJ peringkat Kementerian.

Tindakan: BKP

6.2 Spesifikasi Kenderaan Jabatan Jenis Pacuan Empat Roda 4x4 Pelbagai Guna

6.2.1 Wakil Pihak Pekerja memaklumkan pemandu di JKPTG Negeri menghadapi kesukaran apabila ingin memarkir kenderaan Jabatan jenis pacuan empat roda 4x4 perlbagai guna Toyota Hilux dan memohon pertimbangan pihak pengurusan untuk memasang *reverse camera* pada kenderaan tersebut;

6.2.2 Selain itu, tayar kenderaan juga didapati kurang sesuai untuk digunakan sewaktu lawatan tapak di kawasan pedalaman seperti hutan dan ladang kelapa sawit;

6.2.3 Pihak BKP memaklumkan memandangkan perolehan kenderaan Jabatan adalah secara perkhidmatan sewaan, BKP perlu mengadakan perbincangan bersama pembekal terlebih dahulu kerana pemasangan *reverse camera* dan pertukaran tayar akan menyebabkan perubahan pada spesifikasi kenderaan dan kontrak sewaan; dan

6.2.4 Walau bagaimanapun, BKP mengambil perhatian mengenai isu ini dan akan diambil kira apabila menetapkan spesifikasi perolehan kenderaan Jabatan akan datang.

Tindakan: BKP

6.3 Pertambahan Perjawatan di JKPTG Negeri Sarawak

6.3.1 Wakil JKPTG Negeri Sarawak memohon pertimbangan daripada pihak pengurusan untuk menambah perjawatan di JKPTG Negeri Sarawak kerana beban kerja yang semakin bertambah;

6.3.2 Pihak BKP memaklumkan cadangan pertambahan perjawatan di JKPTG Sarawak telah dimasukkan dalam cadangan penstrukturan Jabatan dan perlu menunggu kelulusan daripada pihak JPA. Walau bagaimanapun, buat masa ini BKP telah menyediakan dua (2) pegawai MySTEP bagi JKPTG Negeri Sarawak; dan

6.3.3 YBhg. Datuk Pengerusi berpandangan isu ini tidak sesuai dibincangkan dalam platform MBJ dan akan dibawa ke platform Mesyuarat Pengurusan di mana terdapat kehadiran Pengarah Bahagian dan Negeri.

Makluman

6.4 Penyertaan JKPTG Dalam Sambutan Maulidur Rasul dan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan

6.4.1 Wakil Pihak Pekerja memaklumkan JKPTG telah lama tidak menghantar wakil Jabatan untuk menyertai sambutan Maulidur Rasul dan Maal Hijrah peringkat kebangsaan di mana kali terakhir adalah pada tahun 2016; dan

6.4.2 YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan penyertaan adalah berdasarkan jemputan daripada pihak Kementerian dan bukannya penyertaan daripada Jabatan. Sehubungan itu sekiranya ada di kalangan warga Jabatan yang berminat untuk menyertai sambutan tersebut boleh memaklumkan kepada pihak Kementerian.

Makluman

6.5 Penetapan Kuota Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi JKPTG Negeri Perak

6.5.1 Wakil JKPTG Negeri Perak memohon maklum balas berkenaan kuota APC bagi JKPTG Negeri Perak yang telah berkurang daripada tiga (3) kepada dua (2); dan

6.5.2 YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan kuota tersebut boleh berubah berdasarkan jumlah pengisian perjawatan.

Makluman

6.6 Penganjuran Kursus Untuk Pegawai Kumpulan Sokongan 2

6.6.1 Wakil Pihak Pekerja merakamkan ucapan penghargaan kepada pihak pengurusan dan BKP di atas penganjuran kursus kepada pegawai kumpulan sokongan 2 pada 4 hingga 6 Mac 2024 di Janda Baik, Pahang; dan

6.6.2 Penganjuran kursus kali ini yang melibatkan penyertaan pegawai-pegawai daripada pelbagai skim perkhidmatan dan pelbagai Bahagian dan Negeri telah memberi peluang kepada peserta kursus untuk memupuk semangat JKPTG Bersatu Hati.

Makluman

7. PENUTUP

7.1 YBhg. Datuk Pengerusi merakamkan penghargaan kepada semua ahli-ahli MBJ yang hadir ke mesyuarat. YBhg. Datuk Pengerusi memohon kepada semua wakil Pihak Pekerja yang hadir ke Mesyuarat MBJ untuk menyampaikan pemahaman yang jelas dan tepat kepada warga JKPTG Negeri masing-masing terutamanya yang melibatkan hal ehwal pengurusan.

7.2 YBhg. Datuk Pengerusi turut mengingatkan semua ahli mesyuarat bahawa usul yang bersifat peribadi tidak boleh dibawaa ke dalam platform MBJ kerana tiada penyelesaian yang dapat dicapai. Pegawai yang menghadapi masalah bersifat peribadi perlu berjumpa sendiri dengan Pihak Pengurusan untuk berbincang alternatif penyelesaian yang terbaik.

7.3 YBhg. Datuk Pengerusi juga turut memohon semua ahli mesyuarat untuk aktif menyokong serta *like & share* akaun media sosial JKPTG.

7.4 Mesyuarat ditangguhkan jam petang 1.00 petang dengan ucapan terima kasih daripada YBhg. Datuk Pengerusi.

Disediakan oleh:

Urus Setia Mesyuarat MBJ JKPTG
Bahagian Khidmat Pengurusan
13 Mac 2024

Disemak oleh:

.....	.....
Abd Rahim bin Abd Razak	**Nazatul Shima binti Ismail**
Setiausaha Pihak Pegawai	**Setiausaha Pihak Pekerja**

Lampiran 1

SENARAI KEHADIRAN

PIHAK PEGAWAI

1. YBhg. Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain **- Pengerusi**
   Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

2. YBhg. Datuk Mohd Haniff bin Hassan
   Timbalan Ketua Pengarah
   Sektor Penyelarasan dan Operasi

3. Encik Baharuddin bin Aziz
   Pengarah
   Bahagian Pembahagian Pusaka

4. Encik Lee Teck Chiang
   Pengarah
   Bahagian Khidmat Pengurusan

5. Encik Anuar bin Isa
   Pengarah
   JKPTG Negeri Kedah

6. Encik Abd Rahim bin Abd Razak **- Setiausaha**
   Ketua Penolong Pengarah
   Bahagian Khidmat Pengurusan

PIHAK PEKERJA

1. Puan Yati binti Musa **- Naib Pengerusi**
   Penolong Pengarah
   Bahagian Dasar dan Konsultasi

2. Puan Salfaryna binti Mohd Soofi
   Penolong Pengarah (Unit Petugas Khas)
   JKPTG Negeri Selangor

3. Encik Roslan bin Md Mohdin
   Penolong Pengarah(Unit Petugas Khas)
   JKPTG WP Kuala Lumpur

4. Encik Anwar Tajuddin bin Ismail
   Penolong Pegawai Tanah
   Bahagian Hakmilik Strata dan Stratum

5. Encik Md Jafri bin Joalis
   Penolong Pegawai Tanah
   JKPTG Negeri Johor

6. Puan Dayang Zaleha binti Abang Jawi Mostapha
   Penolong Pegawai Tanah
   JKPTG Negeri Sarawak

7. Encik Mohd Talha bin Ibrahim
   Ketua Pembantu Tadbir (Kewangan)
   Bahagian Khidmat Pengurusan

8. Encik Azelin bin Ithnin
   Ketua Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
   Bahagian Khidmat Pengurusan

9. Encik Nadzrul Shafizal binti Sirajuddin
   Ketua Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
   JKPTG Negeri Selangor

10. Puan Nazatul Shima binti Ismail **- Setiausaha**
    Pembantu Tadbir (Kewangan)
    Bahagian Khidmat Pengurusan

11. Encik Mohd Sanizam bin Md Saad
    Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
    Bahagian Khidmat Pengurusan

12. Puan Rabia'tul binti Mohamad
    Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
    Unit Pembahagian Pusaka (UPP) Negeri Melaka

13. Encik Mohd Luqman bin Mohd Nasib
    Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
    Unit Pembahagian Pusaka (UPP) Negeri Pulau Pinang

14. Encik Muhammad Azhari bin Ab Roni
    Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
    Unit Pembahagian Pusaka (UPP) Negeri Kedah

15. Puan Norhayati bin Che Wil
    Pelukis Pelan
    JKPTG Negeri Kelantan

16. Encik Hasan bin Ali
    Penghantar Notis
    Unit Pembahagian Pusaka (UPP) Negeri Perlis

17. Encik Noor Shahrir bin Noor Yusof
    Pembantu Awam
    Bahagian Harta Tanah Persekutuan

18. Encik Ahmad Shukree bin Taha
    Penghantar Notis
    Unit Pembahagian Pusaka (UPP) Negeri Terengganu

19. Encik Mohd Syahrin bin Adnan
    Pembantu Awam
    JKPTG Negeri Perak

20. Encik Maslie bin Meli
    Pemandu
    JKPTG Negeri Sabah

TURUT HADIR

1. Puan Suraya binti Jemari
   Ketua Penolong Pengarah
   Bahagian Khidmat Pengurusan

2. Encik Lo Ye Fan
   Ketua Penolong Pengarah
   Bahagian Pengurusan ICT Pentadbiran Tanah

3. Dr. Navarani A/P Vejaratnam
   Penolong Pengarah
   Bahagian Pengambilan Tanah

4. Puan Nur Hazwani binti Hashim
   Penolong Pengarah
   Bahagian Khidmat Pengurusan

5. Puan Zurita binti Zainudin
   Penolong Pengarah
   Bahagian Khidmat Pengurusan

6. Cik Izyan Aziza binti Ismail @ Aziz **- Urus Setia**
   Penolong Pengarah
   Bahagian Khidmat Pengurusan

7. Puan Khairiahni binti Mokhtar **- Urus Setia**
   Ketua Pembantu Tadbir
   Bahagian Khidmat Pengurusan

8. Puan Wan Izyan bin Wan Yusof **- Urus Setia**
   Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
   Bahagian Khidmat Pengurusan

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

PIHAK PEGAWAI

1. YBrs. Tuan Abdul Aziz bin Mohd Johdi
   Timbalan Ketua Pengarah
   Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan

2. Encik Muhammad Rosli bin Muhammad Ja'afar
   Pengarah
   Bahagian Pengambilan Tanah

3. Puan Tengku Rohana binti Tengku Nawawi
   Pengarah
   Bahagian Pengurusan ICT dan Pentadbiran Tanah

PIHAK PEGAWAI

1. Encik Ahmad Kamal Arif bin Mohamad
   Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
   JKPTG Negeri Sembilan

2. Puan Rosni bin Ahmad
   Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
   Unit Pembahagian Pusaka (UPP) Negeri Pahang

Lampiran 2

PENGKELASAN DAN STATUS PENYELESAIAN ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN DALAM MINIT MESYUARAT MBJ BIL. 1 TAHUN 2024 BAGI JKPTG

PERKARA BERBANGKIT						ISU BARU					
BIL	**PERKARA**	**SELESAI**	**CATATAN**	**BELUM SELESAI**	**CATATAN**	**BIL**	**PERKARA**	**SELESAI**	**CATATAN**	**BELUM SELESAI**	**CATATAN**
1.	KEWANGAN DAN KEMUDAHAN	-	-	-	-	1.	KEWANGAN DAN KEMUDAHAN	1	• Penyelarasan Semula Kadar Bayaran Sewa Hotel Bagi Pegawai Yang Menjalankan Tugas Rasmi -	2	• Bayaran Elaun Tanggung Kerja (ETK) • Kemudahan Bayaran Bil Telefon Atas Urusan Rasmi Kepada Pegawai Kumpulan Sokongan 2
2.	PENTADBIRAN	6	• Penggunakan Aplikasi *WhatsApp* dalam Urusan Permohonan Pembahagian Pusaka • Larangan Penggunaan Gajet Oleh Orang Awam Bagi Tujuan Rakaman di Premis Pejabat JKPTG • Permohonan Pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV) Bagi JKPTG Negeri • Penyelarasan Sesi Fotografi Gambar Rasmi Bagi Warga JKPTG • Pelantikan Pemandu Gantian Di Kalangan Penolong Pengarah	-	-	2.	PENTADBIRAN	1	• Penyelarasan Cadangan Waktu Kaunter Di Pejabat JKPTG Sepanjang Bulan Ramadan	1	• Spesifikasi Kenderaan Jabatan Jenis Pacuan Empat Roda 4x4 Pelbagai Guna

PERKARA BERBANGKIT						ISU BARU					
BIL	**PERKARA**	**SELESAI**	**CATATAN**	**BELUM SELESAI**	**CATATAN**	**BIL**	**PERKARA**	**SELESAI**	**CATATAN**	**BELUM SELESAI**	**CATATAN**
			• Sistem Tempahan Bilik Mesyuarat Melalui Portal Intranet JKPTG								
3.	SUMBER MANUSIA	-	-	-	-	3.	SUMBER MANUSIA	8	• Pengisian Kekosongan Perjawatan di JKPTG • Isu Pertukaran dalaman Jabatan tanpa Pengganti Serentak • Isu Permohonan Pertukaran Keluar Pegawai Di Jabatan • Semakan Pegawai Penilai Pertama Bagi Unit Petugas Khas (UPK) • Penganjuran Kursus Penyeliaan Kepada Ketua Pembantu Tadbir • Pertambahan Perjawatan di JKPTG Negeri Sarawak • Penetapan Kuota Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi JKPTG Negeri Perak • Penganjuran Kursus Untuk Pegawai Kumpulan Sokongan 2	1	• Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

PERKARA BERBANGKIT						ISU BARU					
BIL	**PERKARA**	**SELESAI**	**CATATAN**	**BELUM SELESAI**	**CATATAN**	**BIL**	**PERKARA**	**SELESAI**	**CATATAN**	**BELUM SELESAI**	**CATATAN**
4.	KEBAJIKAN	1	• Cadangan Pemakaian Batik Khas Jabatan	-	-	4.	KEBAJIKAN	2	• Penganjuran Sukan JKPTG • Penyertaan JKPTG Dalam Sambutan Maulidur Rasul dan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan	1	• Pembelian Set Baju Hujan Untuk Penghantar Notis
5.	INOVASI DAN PRODUKTIVITI	-	-	-	-	5.	INOVASI DAN PRODUKTIVITI	-	-	1	• Penganjuran Pertandingan Video Pendek Di JKPTG
6.	LAIN-LAIN	-	-	-	-	6.	LAIN-LAIN	-	-	-	-
JUMLAH ISU		**6**		**0**			**JUMLAH ISU**	**12**		**6**	